

Seni Tenunan Songket: Identiti, Lambang Dan Tradisi Budaya Melayu

Dr. Arba'iyah bt. Ab. Aziz

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Abstrak

Songket telah memainkan peranan dan mempunyai tempat yang istimewa dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Bersandarkan kepada kualiti dan keunikannya, songket diiktiraf dan diklasifikasikan sebagai ratu fabrik Melayu unggul. Ia terpapar sebagai pakaian busana yang melambangkan tatasusila dan adat Melayu yang tinggi nilai peradaban dan kesopanannya. Namun di sebalik nilai artistik dengan reka corak motif, songket sarat dengan pelbagai lambang dan tafsiran makna tertentu. Ertinya, setiap pasang songket dengan motifnya mempunyai cerita dan interprestasinya yang tersendiri. Ia terbit daripada manifestasi pemikiran para pereka terdahulu yang diperturunkan secara warisan. Kertas kerja ini menyentuh secara khusus mengenai seni kraftangan dan budaya Melayu iaitu merangkumi aspek simbol dan falsafah yang terdapat di sebalik motif-motif seni tenunan songket. Ruang ini turut mengupas tentang makna falsafah songket iaitu dari sudut sosiobudaya merangkumi aspek agama, kepercayaan, adat, norma, nilai, pantang larang dan *world-view* orang Melayu. Jelasnya ia adalah suatu huraian tentang makna-makna tersirat yang terdapat di sebalik kategori motif-motif seni tenunan songket Melayu seperti flora, fauna, kosmos, alam benda, geometri, makanan dan kaligrafi. Setiap perolehan jumpaan daripada sumber primer (temubual) dan sekunder menemukan sumber keilmuan bermakna yang sekali gus memberi manfaat dari segi pembangunan modal insan dan pelestarian seni warisan bangsa khususnya kepada golongan sarjana, pendidik, penenun, budayawan, seniman, aktivis budaya, sejarahwan seni, peniaga, pencipta seni dan masyarakat seluruhnya.

Kata kunci: Songket, Motif, Simbol, Falsafah Melayu.

Pengenalan

Tekstil pada mulanya hanya sebagai keperluan asas manusia lantaran berkembang menjadi alat kesenian yang menjadi lambang seni budaya bangsa sejak turun-temurun. Songket diperhalusi dengan pelbagai ragamhias atau motif yang dapat memenuhi cita rasa manusia dari sudut artistik yang dilahirkan melalui pemikiran serta dizahirkan dengan penghayatan kalbu. Songket adalah antara seni kraftangan Melayu yang unik kerana nilai estetiknya tidak sahaja terserlah pada permukaan kain tetapi turut kaya dengan lambang-lambang yang mengandungi nilai dan falsafah yang amat berharga buat kehidupan dan kemanusiaan.

Songket dan Pengertiannya

Sehelai songket diandaikan sebagai gambaran makna kehidupan masyarakat Melayu di mana kainnya diibaratkan seperti jasad manusia yang melengkapinya makna

kehidupan si pemakai. Bahagian kain yang sempurna dilihat pada bahagian kepala, badan, kaput kepala dan kaki kain. Setiap bahagian-bahagian ini pula dihiasi dengan kekayaan dan keindahan sulaman motif yang disusun secara bunga penuh, bunga tabur dan bunga bercorak.

Umumnya, falsafah seni tenunan songket sebenarnya adalah ekspresi kecintaan pada keindahan yang lahir dari kejujuran seni yang memerlukan nilai kesabaran dan ketekunan. Inspirasi pemilihan terhadap motif-motif tertentu adalah didasarkan kepada pengalaman hidup yang lama melihat kepada sifat-sifat fizikal atau semula jadi itu sendiri. Faktor keserasian dan keharmonian orang Melayu dengan alam sekeliling dikenapasti berupaya membawa banyak kajian yang dibuat secara objektif, subjektif dan relatif khususnya tentang motif-motif yang terdapat dalam seni tekstil Melayu. Jelasnya, konsep berguru kepada sumber alam yang berdasarkan kepada kajian semiotik menampilkan pelbagai penerokaan ilmu dan rahsia yang dapat diguna dan dimanfaatkan dalam pelbagai bidang.

Oleh itu sewajarnya seni tenunan songket itu tidak hanya objek seni yang hanya indah dilihat dari sudut luaran semata-mata tetapi harus merangkumi penelitian dari sudut dalamnya seperti aspek-aspek falsafah, sosiologi dan kepercayaan yang menjadi intisari budaya orang Melayu. Berdasarkan keadaan itu, seseorang penenun songket perlu mempunyai nilai-nilai itu untuk menghasilkan seni tenunan yang tinggi mutunya. Dalam konteks ini Tenas Effendy mengungkapkan pendapat:

“Tenunan songket adalah diibaratkan seperti suatu ciptaan dunia yang luas lalu diperkecilkan menjadi olahan yang tertib lagi menawan. Lazimnya si penenun mula mengolah rekaan pada bahagian kepala, badan dan kaki kain. Secara tradisinya, corak-corak dasar itu dikembangkan dengan berbagai-bagai variasi dan nama sehingga membentuk suatu keserasian yang sehati. Selain terhampar sebagai kain tenunan yang cantik, songket juga perlu dipakai dengan penuh tatacara dan kesantunan lalu terbentuklah suatu rupa budaya, sistem nilai dan normanya” (Tenas Effendy, temu bual peribadi, 12 Januari, 2007).

Pemakaian busana Melayu ini secara tidak langsung melambangkan tatasusila dan adat Melayu yang tinggi nilai peradaban dan kesopanannya. Gambaran ini menjelaskan bahawa songket bukan hanya pakaian tetapi sebagai alat menjunjung adat yang amat tertib dipakai bersesuaian dengan sesuatu upacara, masa ataupun majlis. Jelasnya, seni tenunan songket adalah salah satu daripada kebudayaan seni tenunan tangan orang Melayu yang sangat unik kerana ia bukan sahaja kelihatan cantik dari segi luaran tetapi juga kaya dengan lambang-lambang yang mengandungi falsafah dan nilai yang amat berharga bagi kehidupan dan kemanusiaan dari sudut dalamnya.

Kearifan Penenun

Hasil observasi terhadap alam dengan keupayaan untuk mencari segala rahsia keindahan dan keistimewaannya adalah menjadi sebahagian daripada aktiviti kehidupan para pereka motif tenunan songket Melayu dahulu kala. Kebolehan mereka untuk meneliti, mengkaji, mengolah, menganalisis, serta mengaitkan motif-motif songket dengan nilai falsafah dan simbolismenya adalah sesuatu yang mengkagumkan. Apabila orang Melayu membuat analogi tentang aspek-aspek

kehidupan mereka dengan kejadian-kejadian alam, mereka sebenarnya membuat tafsiran tentang kejadian dan unsur-unsur alam tersebut untuk dijadikan teladan dan sempadan dalam hidup. Dalam konteks ini, orang Melayu tradisional melihat alam tabii ini sebagai penuh makna dan simbolisme. Di sebalik gambaran alam yang diolah, tersimpul amalan bijak memberi makna yang indah sama ada dari segi falsafah, kias, petua, pedoman atau matlamat yang wujud secara tersurat dan tersirat.

Adunan motif adalah merupakan alam empirikal yang menjadi tumpuan pemerhatian dan sumber pelajaran bagi masyarakat Melayu. Mereka menzahirkan motif-motif tersebut lalu mentafsirkan berbagai-bagai perbandingan yang berupa bahan pendidikan dalam bentuk teladan, sempadan, kritikan, peringatan serta saluran emosi pelbagai ragam yang dapat disimpulkan dalam konteks kealaman seluruhnya. Dalam konteks ini terdapat dua perkara utama. Pertama, 'gambaran alam' sebagai pernyataan nilai dan *world-view* masyarakat Melayu; kedua, falsafah hidup yang diperolehi daripada gambaran alam itu sendiri.

Sebenarnya banyak nilai falsafah dan intipati kehidupan diadun dan disimpulkan dalam hasil seni. Sebagai contohnya ramai pereka atau seniman menyalurkan kreativiti seni mereka demi Tuhan Yang Esa. Terdapat juga usaha di mana adunan seni itu juga dikerjakan secara bersepadu demi kepentingan bersama atau didorong oleh suasana harmonis lingkaran adat di dalam sesebuah komuniti setempat. Jelasnya, setiap karya seni yang dihasilkan adalah juga merupakan transformasi jiwa dan manifestasi masyarakatnya. Demikian setiap kajian terhadap unsur-unsur itu memberikan sesuatu pengertian, lambang, tafsir, takrif dan taakulan (reasoning) yang tersendiri. Dalam konteks ini idea dan pemikiran orang Melayu juga boleh dianggap sebagai aset budaya yang mampu menghuraikan dan mewarnai tamadunnya tersendiri.

Motif-Motif Songket Melayu

Motif-motif seni tenunan songket Melayu boleh dibahagikan kepada tujuh (7) kategori pola utama iaitu:-

- Motif Flora
- Motif Fauna
- Motif Kosmos
- Motif Alam Benda
- Motif Geometrik
- Motif Makanan
- Motif Kaligrafi

Motif Bunga Tanjung

Motif flora adalah reka corak yang paling dominasi dalam seni tenunan songket Melayu. Setiap rupa bentuknya yang mekar, cantik, wangi, unik dan segar dianalisa serta dikaitkan dengan nilai dan falsafahnya. Bunga Tanjung adalah sejenis pokok yang berbunga kecil yang sering terdapat di halaman-halaman rumah orang Melayu. Selain sebagai tempat teduhan bunga tanjung menggambarkan semangat mengalu-alukan kedatangan para tetamu dengan penuh perasaan hormat dan mesra. Menurut Asmah Haji Omar (2001), pada waktu dahulu pintu rumah orang Melayu sentiasa terbuka kepada ahli keluarga dan tetamu, atau kepada pedagang yang datang bertandang. Sebaliknya, menutup pintu rumah atau menghadkan masa bertandang itu adalah amalan yang tidak terfikirkan oleh orang Melayu (Yaacob Harun, 2001). Menurut YM. Tengku Lukman Sinar, ciri 'terbukaaan rumah' adalah ciri yang selamalamanya wujud dalam budaya Melayu (Abdul Latiff Abu Bakar, 2001).

Dari segi simbolismanya, bunga tanjung melambangkan keramahan dan ucapan selamat datang khususnya kepada para tetamu bagi yang datang berkunjung ke rumah orang Melayu (Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2002). Sikap ini mulai dikenal orang-orang Melayu ketika raja memerintahkan supaya membuka pelabuhan kepada para pedagang sepertimana terlihat dalam pernyataan ungkapan dan perumpamaan seperti 'Kalau kurang tapak tangan, nyiru kami tadahkan'. Selain mempunyai polisi yang berjaya terhadap orang asing, terutama para pedagang, raja-raja juga amat adil dan amat membantu sehinggakan mereka berjaya menarik pedagang-pedagang dari seluruh pelusuk dunia datang berniaga di sini. Raja memuliakan mereka, memberikan tempat tinggal dan mendirikan masjid (Winstedt, 1958). Situasi ini memperjelaskan akan sifat keterbukaan dan konsep pandangan jauh si pemerintah.

Sifat menyambut tetamu dengan ramah diperhatikan oleh orang asing sejak awal dulu lagi. Misalnya, Isabella Bird yang melawat Semenanjung pada abad ke-19 Masihi sedar tentang sikap orang Melayu itu ketika beliau menulis "Hospitality is one of the Malay virtues" terjemahannya, "Layanan baik dan mesra adalah salah satu daripada nilai murni orang Melayu" (Laurent Metzger, 2007). Mewujudkan suasana yang menyenangkan turut menjadi pegangan falsafah seni orang Melayu di samping mendukung konsep keterbukaan khususnya bagi menyambut para tetamu yang datang seperti yang tersirat dalam pantun di bawah:

Apabila meraut selodang buluh,
Siapkan lidi buang miangnya;
Bila menjemput orang nan jauh,
Siapkan nasi dengan hidangannya.

(Y.M. Tengku Lukman Sinar, 1998)

Motif Pucuk Rebung

Pucuk atau pohon adalah sesuatu yang terletak di bahagian hujung atau di puncak, iaitu suatu tempat yang berada di hadapan, di atas atau tertinggi. Bahagian pucuk biasanya adalah terdiri daripada yang muda, masih lembut dan bertunas. Menurut Zurinah Hassan (2003), pucuk adalah lambang aspirasi dan tunas harapan manakala pohon adalah perubahan cara hidup dan budaya. Motif pucuk rebung ialah motif yang paling mendominasi reka corak seni tenunan songket Melayu khususnya di bahagian kepala kain. Pucuk rebung ialah sejenis tumbuhan di peringkat paling awal sebelum menjadi aur atau rumpun buluh. Buluh yang masih muda dinamakan rebung, digunakan sebagai sayuran. Dalam konteks dunia Melayu istilah 'Rumpun' pula sering digunakan bagi menunjukkan kelompok bangsa yang mempunyai salasilah, darah keturunan, serta kumpulan yang mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri budaya.

Dari segi analoginya, aur biasanya dilentur dari rebung dan aur itu sendiri diberi perasaan megah kerana cambah di dalam satu rumpun dan setiap pohon aur itu pula mempunyai peribadi tersendiri. Aur berumpun sudah pasti tidak dapat dimusnahkan oleh ribut malah pucuk yang tinggi pula sentiasa tunduk. Sebatang aur berumpun itu tidak pula berasa cemas dan apabila melentur aur berumpun biar bermula dari rebungnya. Ia membawa maksud bersatu padu, cara hidup yang seimbang, adil, saksama, jernih lagi hening (Ghazali Shafie, 1997).

Dari sudut simbolisme pula motif pucuk rebung jika dilihat dalam konteks budaya masyarakat Melayu secara literalnya membawa makna kuat, tabah, kesuburan,

mempunyai daya tahan serta merendah diri. Analisis kepada sifat buluh yang tumbuh megah di rimba, akan mampu melentur sujud apabila ditiup bayu. Demikian eratnya hubungan buluh dengan masyarakat Melayu, bermula sebagai makanan berupa sayur di peringkat rebung, menjadi pengisi makanan yang enak ketika menjadi buluh, bahan kolekan kenderaan di air, atau menjadi alat muzik yang mengasyikkan malah boleh menjadi ramuan racun (Mohamad Najib Dawa, 1999).

Jika diamati pada pepatah yang berbunyi 'kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya' memberi suatu maksud tersirat yang begitu mendalam maknanya terutama dari segi ingatan, teguran, teladan, dan sempadan terutama berkaitan dengan kemurnian falsafah pendidikan dan pengajaran. Motif pucuk rebung juga dikaitkan dengan makna kesuburan dan kesabaran. Kedudukan motif pucuk rebung tunjuk langit yang menghala ke atas juga membawa lambang cahaya keimanan dan cahaya Islam yang sentiasa mengagongkan kebesaran Tuhan Yang Maha Esa.

Motif Ayam

Terdapat banyak pengajaran mengenai fauna atau haiwan yang boleh dijadikan teladan. Penghayatan terhadap sifat-sifat haiwan itu, terdapat nilai-nilai yang positif yang boleh dikaitkan dengan keperibadian manusia seperti kerukunan hidup yang berbahagia, persahabatan dan kasih sayang, semangat juang dan keperkasaan serta kearifan dan kebijaksanaan. Motif ayam dibahagikan kepada dua iaitu ayam betina dan ayam jantan. Motif ayam betina ialah melambangkan perlakuan seseorang di kampung yang cerdik, pandai menyesuaikan diri, bersopan santun serta mudah menyatukan orang ramai. Gambaran keramahan, bertegur sapa serta mudah bergaul adalah mencerminkan suasana riang, ceria dan pandai bermasyarakat. Di samping itu, motif ayam juga adalah gambaran tentang sifat haiwan tersebut yang sentiasa memberi perlindungan kepada ahli keluarganya. Ibu ayam dari peringkat mengeram lagi telah menunjukkan sifat-sifat penyayang serta sentiasa melindungi dan mempertahankan anak-anaknya daripada sebarang ancaman. Si ibu ayam yang bertelur banyak serta keupayaan untuk membiak juga adalah lambang kemurahan rezeki.

Motif ayam jantan pula ialah simbol kepahlawanan, iaitu tidak mudah menyerah kalah, sifat keberanian dan memiliki semangat juang yang tinggi. Orang Melayu menjunjung tinggi nilai-nilai kepahlawanan sebagaimana dipahat dalam ungkapan "sekali masuk gelanggang, pantang berbalik belakang". Orang tua-tua mengatakan bahawa motif yang mengandungi nilai kepahlawanan dapat pula memberikan perangsang, semangat atau mendorong bangkitnya keberanian seseorang dalam menghadapi musuh.

Kokokan ayam juga dipercayai memberi petanda-petanda tertentu. Lazimnya kokokan ayam di dini hari yang disambut bersahut-sahutan adalah gambaran tentang semangat, aspirasi dan bersatu hati. Manakala kokokan yang di luar waktu pula adalah dipercayai membawa alamat-alamat tertentu yang juga boleh memberi sebarang bentuk peringatan, persediaan atau pengajaran.

Motif kupu-kupu

Kupu-kupu pula hanya ikon atau sekor unggas yang cantik kerana sayapnya yang berwarna-warni ketika terbang di halaman rumah pada waktu pagi atau petang. Tetapi kupu-kupu bukan lagi dianggap ikon apabila ia terbang dalam rumah pada waktu malam. Orang Melayu sering mengaitkan mengenai kedatangan orang-orang tertentu terutama dari jauh akan berkunjung ke rumah sekiranya terdapat kupu-kupu putih memasuki ke dalam rumah. Maka tuan rumah mula memikirkan siapakah tetamu jauh

yang akan berkunjung ke rumahnya itu? Perasaannya juga mungkin gembira atau resah kerana tetamu jauh itu mungkin orang yang disenangi atau sebaliknya. Apa pun fikiran dan perasaannya ketika itu, simbol kupu-kupu dan siratan maknanya menuntutnya membuat persediaan untuk menyambut tetamu jauh yang akan datang ke rumahnya.

Secara tabienya kita mengetahui bahawa betapa lama dan sukarnya menanti kelahiran seekor kupu-kupu sebelum menjadi cantik dan mempunyai daya tarikan yang menarik. Motif kupu-kupu adalah lambang keagungan kasih sayang. Selain itu ia adalah simbol transformasi dari alam kelahiran ke alam nyata. Kupu-kupu juga sering digambarkan sebagai gerbang kebahagiaan dalam alam perkahwinan. Nilai kasih sayang bukan sahaja terpancar pada kelembutan budi, kebersihan hati, dan kesetiaan peribadi tetapi turut merasai dan menyenangkan akan kehadiran anak yang dinanti dengan perasaan penuh keceriaan dan kebahagiaan. Dalam budaya Melayu, kelahiran anak itu adalah dianggap sebagai suatu rahmat yang boleh mendatangkan atau memperluaskan rezeki. Oleh itu, anak-anak adalah suatu rahmat dan amanah yang perlu diberi sepenuh kasih sayang.

Motif Matahari

Semua kejadian alam cekarawala ini adalah menggambarkan akan kebesaran Tuhan Maha Pencipta. Cekarawala atau kosmos bererti alam semesta atau keadaan dunia yang teratur (Ezrin, 1996). Ia merujuk apa yang terdapat di alam sekitar seperti matahari, bulan, bintang, dan langit. Meneliti kepada setiap kejadian alam yang berlaku di atas paksinya, perjalanan yang menuruti segala makna dan aturannya serta peranan yang terjadi secara tabienya, mendorong orang Melayu untuk mendekati kebenaran dan kebesaran Tuhan sejak azali. Matahari sering dikaitkan dengan simbol kuasa dan tenaga aktif. Ia juga menjadi simbol ilmu intuisi dan kosmik intelek. Oleh yang demikian, ia menjadi penting dalam ilmu astrologi, kimia, fizik dan psikologi. Bagi orang Melayu kegiatan-kegiatan kehidupan adalah dirancang serta berpandukan pada perubahan tabie alam sekeliling. Matahari sering dijadikan sandaran dan rujukan utama ketika menentukan aktiviti harian. Dalam hal ini, warna maya silih berganti, siang diganti malam dan malam diakhiri sinar matahari.

Menurut Asmah Haji Omar (2001), tanda-tanda lain seperti kokokan ayam lalu mengegaskan penghuni untuk bangun, bersolat subuh dan terus ke sawah adalah suatu fenomena lumrah. Matahari sepenggal ketika rembang adalah menandakan sudah masanya untuk pulang dari sawah. Masuknya waktu solat lazimnya dilihat pada pergerakan matahari dalam hubungan dengan cucur atap atau bayang-bayang pokok. Warna langit merah ketika lembayung senja digunakan untuk menentukan waktu maghrib manakala apabila hilangnya warna ini maka masuklah waktu isyak. Senja adalah peralihan waktu yang menandakan bahawa segalanya pasti berubah mengikut peredaran masa. Ia adalah simbol iluminasi yang menerangi dan lambang keabadian, kesihatan, keupayaan, dan semangat. Waktu subuh pula bermula takala sudah nampak cahaya menembusi awan gelap, dan habislah waktu ini ialah apabila fajar menyinsing sebagai lambang kehidupan dan harapan (Yaacob Harun, 2001).

Meskipun matahari bersifat kesementaraan namun ia menjadi satu ketetapan. Maka terpancarlah kesedaran baharu bahawa kesementaraan itu adalah yang mengingatkan kita kepada Yang Abadi iaitu Allah Maha Pencipta. Manusia yang beruntung ialah mereka yang mengambil kesempatan untuk mengisi waktu dengan ketaqwaan. Sebagai planet yang paling hampir dengan bumi, matahari berupaya mengeluarkan sinar surianya secara stabil dan tanpa jejas meskipun sekian lama. Dari segi maknanya, motif matahari ialah lambang tenaga, keteguhan, kekuasaan, kelahiran

semula, pelindung dan keabadian yang sentiasa menentukan suatu perjalanan hidup berdasarkan paksinya.

Motif Keris

Setiap pemilihan objek yang dianggap penting ialah sesuatu yang berkaitan dengan adat budaya, alat perhiasan, atau membawa imej bermakna dalam kehidupan orang-orang Melayu. Setiap pengolahan jelas memperlihatkan kehalusan dan kreativiti si pencipta. Maka dengan itu, kebanyakan objek terpilih lazimnya adalah disimpan atau dimiliki untuk dijadikan perhiasan, harta pusaka, azimat, tangkal dan sebagainya. Wujud unsur-unsur penghormatan berstatus sosial, menghayati keunikan serta kepercayaan berunsur mistik yang berupa semangat terhadap sesuatu rupa bentuk. Keris berasal dari perkataan "Ke" dan "aris" iaitu daripada kelompok senjata yang bermakna tenang, lambat atau halus (Hj. Ibrahim bin Hj. Junid, 1997). Pada mata keris dapat disaksikan gambaran daya imaginasi jiwa Melayu manakala membuat keris lazimnya adalah menuruti kehendak batin. Motif keris dalam songket sungguh menarik kerana keris mempunyai peranan yang tersendiri dalam budaya Melayu. Keris melambangkan kesempurnaan kewibawaan Melayu dan barang pusaka atau warisan keramat umat Melayu yang dikatakan mempunyai kuasa magis. Ternyata di dalamnya tersirat segala macam getaran kuat yang terpancar dari bilah pamor, sarung dan ulunya seperti yang terserlah pada puisi oleh Bapak Tenas Effendy (2008)

Di dalam keris yang sebilah
Terkandung tuah dan maruah
Yang tuahnya selilit kepala
Yang maruahnya selilit pinggang
Yang tersembunyi di dalam mata
Yang tersimpan dalam pamor
Yang tersorok dalam sepuhan
Yang terselindung dalam besi
Yang terpatri dalam baja
Yang terpegang dalam hulu
Yang terlekat dalam sarung

Pada zaman dahulu, keris bukan sahaja sebagai alat untuk mempertahankan diri ketika berperang atau diserang tetapi juga penting dalam kehidupan bermasyarakat yang melibatkan adat, budaya dan istiadat Melayu. Walau bagaimanapun orang Melayu tidak memiliki pandangan dunia atau ideologi penaklukan, sebagai senjata, keris dicipta untuk mempertahankan diri, dicipta untuk perdamaian (Zainal Abidin Borhan, 2007).

Jelasnya, keris adalah satu warisan budaya yang pelbagai dimensi sifatnya, mempunyai nilai-nilai tersirat dan tersurat serta mengandungi unsur-unsur simbolik yang sakral dan temporal (Firdaus Abdullah, 2008). Keris bagi orang Melayu bukan sahaja satu senjata lahiriah untuk mempertahankan diri, tetapi juga menjadi simbol tertentu yang mengandungi berbagai falsafah dan makna, yang amat erat kaitannya dengan adat resam dan budaya bangsa. Secara umumnya, keris dianggap sebagai simbol 'tuah' dan 'maruah'. Sebagai satu produk kebudayaan Melayu, keris menurut Hasrinuksmo, 2004, adalah bersifat simbolik kerana ada elemen spiritual (Zainal Abidin Borhan, 2007).

Bagi golongan raja, keris merupakan tanda dan alat kebesaran yang penting. Ia menjadi satu daripada alat kerajaan dalam istiadat pertabalan dan senjata rasmi

kepada raja-raja Melayu. Keris Persekutuan Tanah Melayu yang digunakan dalam istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah hasil leburan keris sembilan buah negeri (Yasin Saini & Abd. Aziz Abdullah, 1960). Di dalam upacara penobatan seorang raja dan sultan, keris adalah lambang kekuasaan dan kedaulatan. Keris dihunus dari sampirnya dan raja atau sultan akan mengucup keris berkenaan. Kucupan kepada keris adalah lambang pertanggungjawaban terhadap rasa kasih yang melimpahkan kedaulatan seorang raja kepada rakyat dan wilayah jajahan naungannya. Ia tidak sekali-kali menggambarkan suatu fenomena yang negatif. Dalam konteks ini, keris memperagakan darjat dan kebesaran. Keris juga adalah lambang ketuanannya kepada yang mempertahankannya dan mendaulatkannya.

Keris yang tersarung dengan sendirinya kelihatan megah dan sempurna dengan kehalusan penampilan bentuk, iaitu suatu perlambangan keperwiraan dan kedaulatan orang Melayu dengan getaran tenaga dan kuasa kepada rupa dan jiwa (Syed Ahmad Jamal, 1992). Dalam sistem politik tradisional Melayu pula, keris bersampir digunakan sebagai lambang perlantikan dan perletakan jawatan. Seseorang yang dianugerahi jawatan akan dikurniakan sebilah keris oleh sultan. Jika seseorang pembesar memegang jawatan tertentu di dalam istana, maka keris yang dianugerahkan oleh raja adalah keris yang sesuai dengan kedudukannya. Rakyat biasa boleh memakai keris sesuai dengan kedudukan mereka masing-masing. Di samping itu, keris juga merupakan simbol yang ditakuti iaitu sebagai tanda hukuman bunuh kepada orang yang terhukum.

Pada hari ini, fungsi keris semakin berubah. Ia dijadikan sebagai kelengkapan atau pakaian di upacara kebesaran atau majlis persandingan. Di samping kekemasan dan kecantikan dalam pemakaian, keris juga adalah lambang kerajaan, keagungan raja dan negara, darjat, kekayaan dan kemashyuran, keselamatan, keteguhan, kemegahan, kedaulatan dan keperkasaan Melayu (Azah Aziz, 1987). Kini fungsi keris telah bertukar menjadi barang keramat yang mempunyai kuasa yang harus dihormati, barang yang dipuja, lambang ikatan keluarga, tanda jasa, tanda pangkat dan kuasa, barang mewah dan akhirnya dianggap sebagai karya seni. Jelasnya, keris dalam keluarga Melayu adalah disifatkan sebagai barang pusaka yang amat dihargai dan dimuliakan oleh keluarga hingga turun-temurun.

Motif Gunung

'Gunung' adalah tergolong dalam motif geometrik iaitu merupakan suatu pengolahan yang mempunyai sudut-sudut yang tertentu. Setiap olahan itu, memerlukan ketelitian serta ukuran-ukuran yang tepat dan sempurna. Keadaan ini menjelaskan tentang makna kearifan, kematangan, ketertiban, berdisiplin serta berkebolehan untuk merungkaikan tentang banyak perkara meskipun rumit. Bagi orang Melayu tradisional, mereka melihat alam tabii ini sebagai penuh makna dan simbolisme. Gunung berdiri sebagai pasak yang memberi kekuatan kepada bumi. Gunung adalah lambang bumi, menjadi pelengkap kepada dunia dan lambang kecekalan. Gunung juga sering digunakan sebagai simbol status, lambang alam dan ketuhanan. Gunung kadangkala disebut 'gunung bertuah'. Konsep gunung kosmos ini dalam Sejarah Melayu, diceritakan bahawa ketiga-tiga putera Raja Suran sebagai keturunan dewa turun dari Bukit Siguntang Mahameru. Terdapat banyak mitos di seluruh Nusantara yang menonjolkan peranan bukit dan gunung sebagai tempat-tempat istimewa yang menghubungkan alam syurga dan alam bumi.

Gunung membawa konsep kepelbagaian bentuk penghidupan alam dunia dengan tumbuh-tumbuhan dan ruangan tempat yang bertingkat-tingkat di mana di dalam satu fahaman jalan menuju Tuhan (Aziz Deraman, 1980). Motif gunung dalam tenunan songket adalah satu cara untuk mengungkapkan rasa kecintaan dalam bentuk yang lebih simbolik. Lazimnya, motif gunung ini diolah dalam bentuk tiga bentuk gunung yang selari, di mana di bahagian tengah adalah lebih tinggi daripada dua lagi yang berada di sebelah kanan dan kirinya.

Dalam konteks kesenian Melayu konsep 'Gunung' ini boleh dilihat pada kedudukan tepak sirih, susunan sirih, nasi ambang, sirih junjung dan pulut kuning. Al Ghazali juga memberi perhatian kepada simbol gunung sebagai tempat melimpahnya ilmu dan rahmat Tuhan atau limpahan kasih-sayang Ilahi. Walau bagaimanapun usaha untuk limpahan Ilahi itu bukanlah perkara mudah, tentulah akan menghadapi ujian dan dugaan sebelum dapat menemui limpah rahmat Ilahi yang berganda dan tidak terperi banyaknya. Justeru, untuk mencari kebahagiaan, seseorang itu perlu beramal dan beribadah. Setiap limpahan kurniaan Ilahi tentunya akan menjadi sia-sia jika tidak disyukuri.

Dalam konteks kehidupan manusia, pemandangan gunung yang sayup dan tinggi mengingatkan kepada simbol kekuatan, ketahanan, kemegahan, serta peribadi yang unggul. Oleh kerana kedudukannya yang tinggi untuk sampai ke puncak, maka gunung sering digunakan untuk menggambarkan cita-cita dan impian seseorang. Gunung adalah tempat yang dianggap sukar didaki dan diassosiasikan dengan cabaran dan perjuangan, juga semangat kental untuk mencapai cita-cita atau apa yang dikehendaki. Mengejar keinginan adalah bagai mendaki ke puncak gunung. Walau bagaimanapun puncak gunung itu akan hilang apabila kita semakin menghampirinya. Oleh sebab itu manusia tidak dapat beristirahat daripada keinginannya kerana manusia akan berhajat kepada sesuatu yang lebih tinggi.

Gunung yang dapat dilihat dari jauh itu segera memberi gambaran tentang sesuatu yang agung dan megah. Keadaannya mengatasi yang lain, seperti sesuatu atau seseorang yang berkedudukan lebih tinggi dan lebih menonjol daripada yang lain. Ia tidak dapat ditandingi oleh orang lain. Imej ini dapat digunakan bagi memperkatakan tentang ketinggian peribadi yang tidak dapat digugat oleh segala ancaman di sekelilingnya. Tegaknya gunung menyamai pendirian seseorang yang memilih jalan hidupnya sendiri tanpa membiarkan orang lain mengatur dan mempengaruhinya. Prinsipnya tetap utuh, walaupun diganggu dan digugat oleh anasir-anasir di sekeliling. Keteguhan gunung juga disamakan dengan sesuatu jaminan, maka lahirlah ungkapan "Tiada lari gunung dikejar, hilang kabus nampaklah ia".

Meskipun kemahuan manusia sememangnya bercita-cita untuk berada pada kedudukan yang tinggi, istimewa dan dihormati, namun perlu juga diingat bahawa berada di tempat paling atas adalah seperti berada di tempat yang sunyi kerana tidak ramai orang yang mampu berada di tempat itu. Justeru itu, gunung yang tinggi banyak mengajar dan menyedarkan manusia akan kerendahan dan keterbatasannya. Gunung mengingatkan kepada Maha Pencipta Yang Agung. Insan yang insaf akan terasa lebih cinta kepada Tuhannya.

Motif Potong Wajik/ Makanan

Makanan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan orang Melayu. Jenis makanan yang menjadi makanan utama dan juga cara memakannya adalah berbeza antara satu bangsa dengan yang lainnya kerana ia amat dipengaruhi oleh iklim setempat dan kebudayaan bangsa itu. Iklim menentukan apa yang sesuai ditanam

dan bahan yang perlu dimakan. Negara ini terkenal dengan beberapa jenis makanan utama rakyat dan terdapat pelbagai jenis makanan khusus yang menjadi kegemaran penduduk sesuatu daerah atau negeri. Dalam masyarakat Melayu tradisi, terdapat beberapa upacara makan adat yang diadakan pada masa-masa tertentu. Melalui pemakanan dan aktiviti penyediaannya jelas mengundang pelbagai kebaikan dan kemurnian falsafahnya. Bagi masyarakat Melayu, mereka suka meraikan tetamu dengan makanan dan berbesar hati apabila tetamu mengemari makanan yang dihidangkan. Selain itu, budaya bertukar-tukar makanan juga merupakan lambang hubungan interpersonal atau persahabatan orang Melayu. Menerusi adat ini, hubungan siratul rahim dan kasih sayang dapat dipupuk dan dijalin mesra.

Motif potong wajik merupakan sejenis kuih yang masyhur sejak zaman berzaman. Untuk menghasilkan kuih wajik ia memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi dalam proses pembuatannya. Selain itu, persediaan untuk membuatnya juga agak rumit seperti menyediakan tepung pulut, santan kelapa gula melaka dan sebagainya. Pada zaman dahulu kuih-kuih ini selain dijadikan kuih kegemaran raja-raja ia juga dibuat ketika diadakan kenduri-kendara atau pada musim-musim perayaan.

Di majlis-majlis perkahwinan kuih wajik ini dijadikan hiasan pada bunga pahar iaitu bunga yang diletakkan di atas pelamin. Tujuan diletakkan benda-benda yang manis adalah kerana mengharapkan agar hidangan yang manis itu sebagai membawa tanda kemesraan, persahabatan, kasih sayang, tanda tuah berseri dan selamat datang. Adalah penting untuk memelihara setiap amalan yang murni, menjaga kehormatan diri, sentiasa bersabar, baik budi, berbaik sangka, tidak takabur, tahu bersyukur, berlapang dada serta menjauhi sifat-sifat fasik yang boleh merosakkan iman.

Selain itu bagi orang-orang zaman dahulu makanan ini dinamakan 'Wajik Takir' iaitu digunakan semasa belayar. Terdapat tiga petua orang-orang tua digunakan untuk berbekal demi keselamatan iaitu ilmu pengasih, ilmu pembungkam dan ilmu pendinding. Semua amalan ini ada dalam kitab Al-Quran. 'Wajik Takir' dianggap penting kepada pelayar atau pengembara kerana makanan ini membekalkan sumber tenaga kepada mereka kerana misi pelayaran mungkin mengambil masa yang agak lama.

Motif Kaligrafi

Menurut Kadi Ahmad Ibnu Mir Munshi Al-Hussain, 'Tidak ada keindahan yang lebih dinikmati dalam tulisan yang indah'. Beliau seterusnya menyatakan bahawa setiap tulisan yang cantik memberikan kenikmatan kepada mata, kegembiraan kepada hati dan keharuman kepada roh. Sementara Imam Al-Ghazali pula menyatakan keindahan tiap-tiap benda itu adalah terletak kepada kesempurnaan sifatnya.

Perkembangan seni kaligrafi di Malaysia mempunyai rangkaian hubungan dengan sejarah penyebaran agama Islam. Bermula dari Semenanjung Tanah Arab, Islam tersebar ke benua India, Afrika, China dan kemudian berkembang ke Kepulauan Melayu. Seni kaligrafi banyak diterapkan ke dalam bidang kesenian Melayu seperti seni ukiran, tekat dan tenunan songket. Penghasilan seni kaligrafi dalam bentuk seni tenunan songket mempunyai nilai estetik yang amat menepati jiwa dan cita rasa keislaman. Khat Melayu juga dikenali dengan huruf jawi. Kaligrafi dalam seni songket Melayu yang sering digunakan ialah jenis thuluth dan nasakh.

Selain sebagai hasil tangan seni, tenunan kaligrafi juga merupakan gesaan untuk terus-menerus menghayati, membaca dan menulis ayat-ayat al-Quran, Hadis Nabi serta kata-kata hikmat sebagai pedoman kepada insan. Di dalamnya dapat

disaksikan disiplin yang mengawal ciptaan, iaitu patuh kepada peraturan-peraturan yang ditentukan mengenai gaya tulisan dan kebebasan seni reka yang berasaskan kepada pengetahuan, gerak hati dan kepekaan. Jelasnya, seni nukilan tenunan kaligrafi ini bukan sahaja kelihatan unik dari sudut luaran malah memiliki seribu makna dan hikmah yang amat mendalam yang merujuk kepada keagongan dan kebesaran Allah SWT.

Kesimpulan

Seni tenunan songket Melayu Terengganu jelasnya, tidak hanya indah dilihat dari jauh tetapi tetap cantik dan menawan walau dari dekat malah yang lebih penting dari itu, ia sarat dan kaya dengan nilai falsafah yang mampu mengangkat seni warisan bangsa. Dalam konteks ini, ia tidak sekadar membicarakan aspek “rupa” iaitu dari sudut luaran songket tetapi secara khusus mengutarakan songket dari sudut “jiwa” atau dalaman. Jelasnya, songket bukan sekadar pakaian tetapi merupakan alat untuk menjunjung adat, mengangkat darjat serta mengungguli martabat bangsa. Sesuai dengan fungsi tersebut, pakaian ini bukan hanya bernilai pragmatik, tetapi juga harus mendukung warisan adat dan budaya, keagamaan, etika dan estetika. Jelasnya, setiap lambang yang tersirat pada corak dan motif tenunan songket menyebabkan kedudukan dan peranan pakaiannya menjadi lebih penting dalam adat dan kehidupan masyarakat Melayu khususnya dalam masyarakat Melayu Nusantara hari ini.

. Walaupun orang Melayu terus bertembung dengan budaya yang mendatang tetapi mereka perlu berusaha mempertahankan ciri-ciri tradisi yang diwarisi sebagai lambang identiti budaya Melayu yang terus cemerlang dan gemilang.

Rujukan

Aziz Deraman (2000). **Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Latiff Abu Bakar (2001). **Adat Melayu Serumpun**. Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka.

Asmah Haji Omar (2001). **Konsep Masa dalam Bahasa dan Pemikiran Melayu**. Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, (hlm 188-208).

Azah Aziz (1990). **Selayang Kenangan**. Kuala Lumpur : AMK Interaksi Sdn. Bhd.

Drs. H. Abdul Malik, Haji Tenas Effendy, Haji Hasan Junus, Drs. Auzar Thaher, M.S. (2004). **Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau**. Indonesia: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu serta Penerbit AdiCita.

Firdaus Abdullah (2008). “Dimensi Keris Melayu”. **Utusan Malaysia**. 11 Disember 2008

Hairudin Harun (2001). **Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haziyah Hussin (2000). **Pengaruh Alam Semula Jadi Dalam Reka Motif Tekstil Melayu Kelantan**. Selangor: Tesis Doktor Falsafah U.P.M.

- Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (1997). **Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu**. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Zam Zam Ku Idris (Jun 1984). **Nilai Keindahan Dalam Seni Kraftangan Melayu. Dewan Budaya**, (hlm. 40-43).
- Laurent Metzger (2007). **Nilai-nilai Melayu, Satu Sudut Pandangan Orang Luar**. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mohamed Najid Dawa (1999). **Seni dan Nasionalisme: Identiti, Simbol & Makna**. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Norwani Mohd.Nawawi (2002). **Songket Malaysia**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normala Hamzah. 2005. “ Songket, Warisan Diagung Budaya Dijunjung”. **Utusan Malaysia**. 28 Mac.
- Othman Yatim (2000). **Mengukir Kegemilangan Lalu, Biografi Wan Su Othman, Penerima Anugerah Seni Negara, 1997**. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002). **Kesenian Melayu**. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Selvanayagam, Grace Impan (1991). **Songket: Malaysia's Woven Treasure**, Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd.
- Seni dan Nasionalisme, Dulu dan Kini** (1999). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara Malaysia.
- Siti Zainon Ismail (1986). **Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail (1994). **Tekstil Tenunan Melayu**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal (1992). **Rupa dan Jiwa**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy (2005). Syarahan Zaaba, **Sopan Santun Melayu – Bentuk dan Realiti dalam Dunia Global**. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir (2000). **Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai Di Kalangan Orang-orang Melayu**. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Winstedt R.O. (1958). **The Malays, A Cultural History**. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Yaacob Harun (2001). **Kosmologi Melayu**. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Y.M. Tengku Lukman Sinar (2001). **Adat dan Budaya Melayu Di Pesisir Timur Sumatera**. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Kerajaan Negeri Melaka & Perbadanan Muzium Melaka, (hlm 215-232).

Zainal Abidin Borhan (8-9 November 2006). **Kesenian Kebangsaan Malaysia Satu Renungan Terhadap Pelestarian Dan Cabaran**. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Malaysia.

Zurinah Hassan (2003). **Memoir Zurinah Hassan Menjejak Puisi**. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.